



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-1/69/(21)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 2/2026

**SYARAT-SYARAT KEMUDAHAN CUTI HAJI KEPADA PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri berkaitan penambahbaikan kemudahan Cuti Haji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri.

LATAR BELAKANG

2. Cuti Haji bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di bawah Peraturan 180, Bahagian IV (Cuti) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008) memperuntukkan kemudahan cuti bergaji penuh selama 40 hari termasuk hari rehat mingguan dan hari kelepasan am untuk menunaikan Fardhu Haji kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri lantikan tetap dan pegawai dalam jawatan sementara yang telah berkhidmat tidak kurang daripada enam tahun.

“SABAH MAJU JAYA”

PENAMBAHBAIKAN

3. Selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA Malaysia) rujukan : JPA (S)800-1/1/6 JLD.9 (9) bertarikh 10 September 2025, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menambah baik kemudahan Cuti Haji kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri seperti berikut :

- a. memansuhkan syarat pengesahan dalam perkhidmatan;
- b. ketua jabatan boleh meluluskan Cuti Haji bergaji penuh sehingga 40 hari, termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am. Sekiranya tempoh haji adalah melebihi 40 hari, ia adalah berdasarkan kepada tempoh yang ditetapkan oleh pengelola jemaah haji mengikut mana yang lebih tinggi;
- c. kemudahan Cuti Haji ini juga dipanjangkan kepada pegawai berjawatan sementara yang telah berkhidmat tidak kurang daripada tiga (3) tahun secara berterusan; dan
- d. hanya boleh diluluskan sekali sahaja di dalam tempoh perkhidmatan seseorang pegawai.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan.

“SABAH MAJU JAYA”

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Pihak Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh : **27 JAN 2026**

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”